

Langkawi ketengah pelbagai tarikan baharu

BH - 13/11/2020 m/d: 2

Kuala Lumpur: Perdana Menteri mengajak orang ramai terus berkunjung ke Langkawi dengan menjadikannya tumpuan utama pelancongan dalam negeri.

Tun Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi dalam video ringkas yang dimuat naik di laman Facebooknya mempe-lawa rakyat tempat menikmati udara bersih di pulau itu dan melihat tarikan baharu serta keindahan panoramanya.

"Cuaca di Langkawi ini bersih, tak dak (tiada) banyak debu. Masa kita ada jerebu di sana (tanah besar), sini ok pasai (kerana) ada angin. Angin dia tiup (jerebu).

"Cuaca dan udara di Langkawi

ini bersih. Kalau nak bercuti, maulah (datang) Langkawi. Orang di sini ramah dan mesra belaka," katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut melawat Langkawi.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir dijadual merasmikan rangkaian termaju 5G di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC), Ahad depan.

Perkhidmatan telekomunikasi maju itu juga bakal menjadi tarikan baharu di Langkawi, sekaligus muncul sebagai pulau pelancongan pertama di dunia dilengkapi aplikasi berkenaan.

Pelaksanaan aplikasi itu susu-

lan langkah Telekom Malaysia Berhad (TM) memulakan pengujian 5G bagi 11 kes penggunaan di Langkawi serta membuka Pusat Kawalan Operasi Bersepadu atau lebih dikenali Pusat Arahan 5G sebagai nadi teknologi 5G dan pengumpulan data rangkaian itu.

Hasil pelaksanaan itu, Langkawi kini dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) dan butang panik di kawasan utama pulau yang memiliki sistem pengecaman wajah dan kenderaan bagi keselamatan awam, kawalan orang ramai, pengesanan tahap emosi pelancong, selain pemantauan penderita cuaca, amaran tsunami, sistem kelajuan angin.